



AB. AZIZ KAPRAWI (tengah) bergambar bersama peserta Road Tour De Parit Kings anjuran mahasiswa FPTV UTHM di Batu Pahat, Johor, baru-baru ini.

## 1,000 meriahkan Road Tour De Parit Kings

**BATU PAHAT 22 Nov.** - Hampir 1,000 pengunjung memeriahkan Program Road Tour De Parit Kings yang dianjurkan mahasiswa Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di sini baru-baru ini.

Program di bawah subjek Pengurusan Ko-Kurikulum itu turut mendapat kerjasama Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Parit Raja dan Kelab Kecergasan Jelita yang melibatkan pelbagai acara menarik kepada orang ramai.

Wakil penganjur, Muhammad Izwan Ridzuan berkata, sebanyak empat acara utama digabungkan dalam program itu antaranya berbasikal yang merupakan aktiviti utama, senamrobik, memanah dan acara sukaneka.

“Selain merupakan projek yang perlu dilaksanakan maha-



**Selain merupakan projek yang perlu dilaksanakan mahasiswa fakulti itu, program Road Tour De Parit Kings juga bermatlamat memperkenalkan aktiviti sukan kepada masyarakat yang memberi pelbagai faedah dan implikasi terutamanya dalam soal penjagaan kesihatan.”**

**MUHAMMAD IZWAN RIDZUAN**

**Wakil penganjur Program Road Tour De Parit Kings**

siswa fakulti itu, program Road Tour De Parit Kings juga bermatlamat memperkenalkan aktiviti sukan kepada masyarakat yang memberi pelbagai faedah dan implikasi terutamanya dalam soal penjagaan kesihatan.

“Selain itu, kami turut melakukan aktiviti gotong-royong di Kampung Seri Dalam bagi

mengindahkan lagi kawasan itu serta mengeratkan ukhuwah antara mahasiswa dan masyarakat setempat,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Program itu dirasmikan Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz Kaprawi merangkap Ahli Parlimen Sri Gading serta turut dihadiri Ahli De-

wan Undangan Negeri (ADUN) Parit Raja, Puan Sri Azizah Zakaria; Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTHM, Prof. Madya Dr. Asri Selamat; Pengerusi Kelab Kecergasan Jelita, Datin Sabariah Tokimin dan Penyelaras Program, Dr. Tamil Selvan Subramaniam.

Tambah Muhammad Izwan, acara berbasikal secara santai membabitkan kayuhan sejauh 25 kilometer yang bermula dari UTHM menuju ke Dewan Terbuka Kampung Seri Dalam sebelum berpatah balik ke kampus tersebut.

“Bagi aktiviti memanah, kami memberikan pendedahan kepada orang ramai bagi mencuba sukan itu melalui bimbingan daripada pemanah berpengalaman dan profesional kerana ia memerlukan teknik tertentu untuk membidik dengan tepat,” katanya.